



BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN
(MEDICAL DEVELOPMENT DIVISION)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR

Telefon : 26985077
Kawat : MINHEALTH,
Telex : MA 28109
Fax : 03-26983679 / 26942251

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : bil (¹⁶) dlm KKM 87
P13/202/3

Tarikh : 23 Julai 2002

Pengarah Kesihatan Negeri

Pengarah Hospital

Pengarah Hospital Kuala Lumpur

Pengarah Institusi/Yayasan

Y. Bhg. Prof./Dato/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN
BIL 4/2002

Program Latihan Pegawai Perubatan termasuk Pegawai Perubatan Siswazah

1. Tujuan :

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penerangan ringkas tentang pelaksanaan perubahan Program Latihan Pegawai Perubatan termasuk latihan siswazah.

2. Latarbelakang :

2.1 Pada tahun 1996, Seksyen 13(2), Akta Perubatan 1971 telah dipinda untuk memberi pendedahan dan latihan yang lebih komprehensif kepada pegawai-pegawai perubatan siswazah. Bagaimanapun peraturan ini mempunyai masalah '**clogging**' Pegawai Perubatan Siswazah di Jabatan O&G dan kekurangan Pegawai di Jabatan **Pediatrik** dan **Otopedik**. Oleh itu, dalam melaksanakan latihan ini, kelonggaran telah diberi, melalui **Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Bil 1/1996** : '**Pelaksanaan Latihan Houseman**' dimana penempatan di **Pediatrik** dikira sebagai bersamaan dengan **Perubatan Dalaman** dan penempatan di **Otopedik** pula bersamaan dengan **Pembedahan Am**.

2.2 Secara '**administrative**' Pegawai Perubatan yang tamat latihan siswazah selama setahun diperlukan menjalani '**obligatory posting**' dalam 2 disiplin lain iaitu **Perubatan Dalaman/Pediatrik** dan **Pembedahan Am/Otopedik** untuk melengkapkan latihan. Bagaimanapun, disebabkan masalah kekurangan tenaga terutamanya di peripheri, ramai Pegawai Perubatan ditempatkan di **hospital daerah** atau klinik kesihatan tanpa menjalani '**obligatori posting**'.

2.3 Lanjutan itu, satu Mesyuarat yang dihadiri oleh **Pengarah Kesihatan Negeri/ Pengarah Hospital dan Pakar-pakar** telah meneliti semula Program Latihan Pegawai Perubatan Siswazah. Mesyuarat tersebut telah mencadangkan satu latihan yang lebih komprehensif untuk Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Siswazah. Bersama ini disertakan Garispanduan Program Latihan Pegawai Perubatan Siswazah dan Pegawai Perubatan untuk rujukan dan tindakan Y. Bhg. Prof./Dato' /Datin /Tuan /Puan

3. Tindakan :

Semua Pengarah Kesihatan Negeri hendaklah mengedarkan Garispanduan ini kepada semua Pengarah Hospital dan mengambil perhatian terhadap perkara-perkara berikut :

- 3.1 Dibawah Program ini Pegawai Perubatan Siswazah akan menjalankan latihan dalam 3 disiplin selama setahun iaitu **Obstetriks & Ginekologi, Perubatan Dalaman/Pediatrik dan Pembedahan Am/Otopedik** dan akan dikekalkan di negeri yang sama sebagai **Junior Medical Officer** selama setahun lagi (melainkan di Hospital Kuala Lumpur dan Hospital-hospital Universiti) untuk menyempurnakan penempatan dalam bidang asas.
- 3.2 Jawatankuasa Penempatan Pegawai Perubatan di peringkat negeri mestilah **menentukan dan memantau** penempatan Pegawai Perubatan Siswazah, yang telah tamat latihan siswazah, di **Hospital Daerah dengan Pakar** seperti yang telah digariskan di dalam Garispanduan.
- 3.3 **Pengarah Hospital Kuala Lumpur, Hospital Universiti Malaya, Hospital Universiti Kebangsaan dan Universiti Sains Malaysia** harus memastikan nama-nama Pegawai Perubatan Siswazah yang telah tamat latihan siswazah selama setahun di Hospital masing-masing dihantar kepada **Cawangan Pengurusan Professional, Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan Malaysia** untuk urusan penempatan bagi latihan tahun kedua.
- 3.4 Jawatankuasa Latihan Pegawai Perubatan Siswazah di peringkat Hospital mestilah berfungsi sebagai **panel dalam memperakukan** Pegawai Perubatan Siswazah yang telah menyempurnakan latihan siswazah dengan memuaskan. Perakuan untuk perlanjutan latihan mana-mana pegawai juga hendaklah dibuat melalui Jawatankuasa ini.

4. Pertanyaan :

4.1 Semua pertanyaan mengenai pekeliling ini hendaklah dikemukakan kepada :

*Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 2, Blok D,
Jalan Cenderasari,
50590, Kuala Lumpur.*


5. Tarikh Pelaksanaan

Perlaksanaan pekeliling ini adalah berkuatkuasa daripada tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan tugas,



(TAN SRI DATU (DR) HAJI MOHAMAD TAHA BIN ARIF)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

GARISPANDUAN PROGRAM LATIHAN PEGAWAI PERUBATAN

Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Julai 2002

GARIS PANDUAN PROGRAM LATIHAN PEGAWAI PERUBATAN

1. Tujuan

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi penerangan ringkas tentang pelaksanaan perubahan program latihan Pegawai Perubatan termasuk latihan siswazah.

2. Latar Belakang

Pada asalnya latihan siswazah yang ditetapkan dibawah **Akta Perubatan 1971**, menghendakki Pegawai Perubatan Siswazah menjalani latihan di dalam **2** bidang selama **6 bulan** setiap bidang , iaitu:

- i. Perubatan dan**
- ii. Pembedahan atau**
- iii. Obstetrik & Ginekologi**

2.1 Dibawah peraturan ini, Pegawai Perubatan Siswazah tidak berpeluang untuk menjalani latihan dalam ketiga tiga bidang. Dengan itu, pada tahun **1996** peruntukan diatas dipinda dimana Pegawai Perubatan Siswazah diperlukan menjalani **4 bulan** latihan dalam setiap bidang **Perubatan, Surgeri dan O&G**. Perubahan dibuat bertujuan memberi pendedahan dan latihan yang lebih komprehensif kepada pegawai-pegawai yang menjalani latihan siswazah.

2.2 Bagaimanapun peraturan ini pula mempunyai masalah "**clogging**" Pegawai Perubatan Siswazah di Jabatan **O&G** dan kekurangan Pegawai di Jabatan **Pediatrik dan Otopedik**. Oleh itu dalam melaksanakan latihan ini, kelonggaran telah diberi, melalui **Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Bil 1/1996: Perlaksanaan Latihan Houseman** dimana penempatan di **Pediatrik** dikira sebagai bersamaan dengan **Perubatan** dan penempatan di **Otopidik** pula bersamaan dengan **Surgeri**. Ini bermakna semua Pegawai Perubatan Siswazah akan menjalani penempatan di **Obstetrik & Ginekologi** tetapi hanya berpeluang untuk menjalani penempatan di dalam dua disiplin yang lain dalam tempoh latihan **1 tahun**.

2.3 Secara **administrative**, pegawai perubatan yang tamat latihan siswazah diperlukan menjalani '**obligatory posting**' dalam 2 disiplin lain untuk melengkapkan latihan. Bagaimanapun, disebabkan masalah kekurangan tenaga terutamanya di **peripheri**, ramai Pegawai Perubatan ditempatkan di hospital daerah atau klinik kesihatan tanpa menjalani "**obligatory posting**".

2.4 Dalam usaha memperbaiki latihan pegawai perubatan, satu mesyuarat yang dihadiri oleh beberapa orang Pakar dari disiplin disiplin asas, Pengarah Kesihatan Negeri dan Pengarah Hospital telah diadakan di Alor Setar pada 12 hingga 14 September 2001. Di mesyuarat tersebut, syur telah dibuat untuk menyediakan latihan yang lebih komprehensif meliputi latihan siswazah dan seterusnya latihan pegawai perubatan. Cadangan perubahan program latihan tersebut telah pun di persetujui di **Mesyuarat Khas KPK** pada 11 Januari 2002, **Mesyuarat Teknikal Pengarah-Pengarah Hospital** pada 24 Januari 2002 dan **Mesyuarat Lembaga Kelayakan Perubatan** pada 19 Mac 2002.

3. Pelaksanaan Perubahan Program Latihan Pegawai Perubatan

Secara ringkas, mesyuarat diatas merumuskan perkara perkara berikut:

- a. Menggariskan latihan dan penempatan **semasa dan selepas** tempoh latihan siswazah
- b. Memperkukuhkan Jawatankuasa Latihan Pegawai Perubatan Siswazah di **peringkat Hospital dan kementerian.**
- c. Memperkukuhkan Jawatankuasa Penempatan Pegawai Perubatan **peringkat negeri**

3.1 Tempoh dan Penempatan Latihan

3.1.1. Tempoh latihan sebagai Pegawai Perubatan Siswazah *dikekalkan* untuk **satu tahun dalam 3 disiplin asas** iaitu **Obstetriks & Ginekologi, Perubatan Dalaman/Pediatrik dan Pembedahan Am/Otopedik.**


3.1.2. Selepas tempoh tersebut, latihan pegawai dipanjangkan selama **12 bulan** lagi untuk melengkapkan kemahiran asas dalam 3 disiplin yang lain sebagai **'Junior Medical Officer'**. *Latihan* bagi **tahun kedua** hendaklah di laksanakan di **hospital daerah dengan pakar di dalam negeri yang sama.** Bagi negeri yang tidak mempunyai Hospital daerah dengan Pakar, Pegawai Perubatan akan menyambung latihan di **hospital negeri.**

3.1.3. Berikut ialah penempatan latihan seperti di rancang:

Tahun Latihan	Bidang	Jangka Masa Latihan	Tempat Latihan	
			Hospital negeri	Hospital Daerah dengan Pakar
1 & 2	Perubatan Dalaman/Pediatrik	4 bulan	TAHUN 1	
	Pembedahan Am/Otopedik	4 bulan		
	Obstetrik & Ginekologi	4 bulan		
	Pediatrik/Perubatan Dalaman	4 bulan		TAHUN 2
	Otopedik/Pembedahan Am	4 bulan		
	Bius/Kesihatan Awam/Bidang Asas yang lain	4 bulan		

3.1.4. Dibawah program ini, Pegawai Perubatan masih **menjalani 5 penempatan dalam bidang asas**, iaitu di Jabatan-Jabatan **Perubatan Dalam/Pediatrik, Pembedahan Am/Otopedik dan Obstetrik & Ginekologi** yang dikekalkan bagi tempoh 4 bulan setiap bidang. Selain dari itu, pegawai akan juga menjalani latihan tambahan dalam disiplin **Bius atau bidang asas** yang lain selama 4 bulan selepas tamat penempatan kelima untuk melengkapkan latihan.

3.1.5. Dengan ini, pertukaran semua pegawai selepas latihan siswazah ke Hospital Daerah, **melainkan mereka dari HKL dan hospital-hospital Universiti**, akan hanya dibuat **2 tahun selepas tamat latihan siswazah**, iaitu selepas mereka menyempurnakan penempatan dalam disiplin yang digariskan. Bagi pegawai-pegawai yang menjalani latihan siswazah di Hospital Kuala Lumpur dan hospital hospital Universiti pertukaran masih di laksanakan **selepas tamat latihan siswazah** supaya latihan tambahan akan dijalani di hospital-hospital Kementerian Kesihatan yang lain.



3.2 Jawatankuasa Latihan Pegawai Perubatan Siswazah

- 3.2.1. Setiap hospital yang menjalankan latihan siswazah hendaklah mempunyai **Jawatankuasa Latihan Siswazah** untuk mengawasi pelaksanaan latihan Pegawai Perubatan Siswazah. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh **Pengarah Hospital** dan terdiri daripada pakar-pakar yang berfungsi sebagai panel dalam memperakukan pegawai perubatan yang telah menyempurnakan latihan siswazah dengan memuaskan. Perakuan untuk perlanjutan latihan mana-mana pegawai juga hendaklah dibuat melalui Jawatankuasa ini.
- 3.2.2. Selain dari itu, Jawatankuasa Latihan Siswazah diperingkat Kementerian bertanggungjawab untuk memantau dan membuat penilaian keatas pelaksanaan program latihan siswazah dari masa kesemasa.

3.3 Jawatankuasa Penempatan Pegawai Perubatan Peringkat Negeri

- 3.3.1. Setiap negeri hendaklah menubuh Jawatankuasa Penempatan Pegawai Perubatan untuk mengawasi pelaksanaan latihan Pegawai Perubatan **selepas tamat 1 tahun latihan siswazah.**
- 3.3.2. **Keahlian** Jawatankuasa diatas adalah seperti berikut :
- Pengerusi - Pengarah Kesihatan Negeri
 - Setiausaha - Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (P)
 - Ahli - Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (KA)
" "
- 2 Ahli yang dilantik oleh Pengarah Kesihatan Negeri
- 2 Ahli Medical Advisory Committee dari HospitalNegeri yang di pilih melalui oleh Medical Advisory Committee.

- 3.3.3. **Fungsi utama** Jawatankuasa ini adalah untuk **menentukan** dan **memantau penempatan** Pegawai Perubatan Siswazah selepas tamat latihan siswazah di Hospital Daerah dengan Pakar seperti yang telah digariskan di dalam program latihan.

4. Tindakan

Semua Pengarah Kesihatan Negeri harus memastikan perkara-perkara berikut :

- 4.1. Pegawai Perubatan Siswazah menjalani latihan dalam **3 disiplin asas** selama **12 bulan pertama** iaitu **Obstetriks & Ginekologi, Perubatan Dalaman/Pediatrik dan Pembedahan Am/Otopedik**.
- 4.2. Penempatan sebagai "**Junior Medical Officer**" dalam **3 disiplin** yang lain iaitu **Pediatrik/Perubatan Dalaman, Pembedahan Am/Otopedik dan Bius/Bidang Asas** lain bagi **12 bulan** kedua di dalam negeri yang sama.
- 4.3. Semua penempatan hendaklah berpandukan "**Log Book**" yang berkenaan sekiranya ada.
- 4.4. Pertukaran ke negeri lain hanya **selepas tamat tempoh 2 tahun** latihan (melainkan mereka dari HKL dan hospital hospital Universiti).
- 4.5. Jawatankuasa Penempatan Pegawai Perubatan diperingkat negeri penempatan "**Junior Medical Officer**" seperti yang digariskan.
- 4.6. **Pengarah Hospital** memantau fungsi dan perjalanan Jawatankuasa Latihan Siswazah di Hospital masing-masing.
- 4.7. Adanya **Pakar-Pakar** untuk menjalankan perkhidmatan dan memberi latihan kepada Pegawai Perubatan (Junior Medical Officer) di Hospital daerah dengan Pakar.
- 4.8. Adanya **Pegawai Perubatan Bukan Pakar Klinik Gred U2** di Hospital Daerah untuk memberi tunjukajar kepada Pegawai Perubatan (Junior Medical Officer)
- 4.9. **Pengarah Hospital Kuala Lumpur, Hospital Universiti Malaya, Hospital Universiti Kebangsaan dan Hospital Universiti Sains Malaysia** harus memastikan nama-nama Pegawai Perubatan Siswazah yang telah tamat latihan siswazah di Hospital masing-masing dihantar kepada **Cawangan Pengurusan & Professional, Bahagian Sumber Manusia, KKM** untuk urusan penempatan bagi latihan tahun kedua.

5. Tarikh Pelaksanaan

Garis panduan adalah berkuatkuasa dengan **serta merta**.

6. Pertanyaan

Sila rujukkan segala pertanyaan mengenai garis panduan ini kepada:

***Pengarah Perkembangan Perubatan,
Bahagian Perkembangan Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Jalan Cenderasari,
50590 Kuala Lumpur.***